BERITA HARIAN, ISNIN, 16 JUN, 1980



# MT mulai bincang persiapan sidang UMNO

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

PERDANA Menteri Datuk Hussein Onn (kanan) berbual dengan beberapa Menteri Kabinet lain sebelum mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di kediamannya Seri Taman, Kuala Lumpur, malam tadi.

Turut kelihatan ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (dua dari kanan), Menteri Pelajaran Datuk Musa Hitam (kiri), Menteri Perusahaan Awam, Datuk Abdul Manan Othman (dua dari kiri) dan Menteri Besar Perlis, Datuk Jaafar Hasssan (tengah).

Mesyuarat yang bermula jam 8.30 malam itu membincangkan mengenai persiapan-persiapan menjelang Persidangan UMNO, tidak lama lagi.

Soal pertandingan Ketua Pemuda UMNO Malaysia mungkin disentuh dalam mesyuarat tiga jam itu. — Gambar Berita Harian oleh Hamzah Hurmin.

No. Si... 11.354
No. F... 3167/87